



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## KENYATAAN MEDIA

---

### DBKL PERTINGKAT KECEKAPAN PENGURUSAN KENDERAAN BURUK/ TERSADAI

1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sepanjang tempoh 2022 hingga 2025 telah merekodkan lebih 4,500 tindakan tunda atau angkut hasil daripada lebih 9,600 aduan awam yang diterima. Bagi tahun 2026 pula, sebanyak 768 kenderaan pelbagai jenis telah dilupuskan sehingga awal April. Bagi menyokong pengurusan kenderaan terbabit, DBKL menyediakan tiga depoh utama iaitu di Taman Connaught, Cheras (kapasiti 1,600 kenderaan), Pantai Sentral, Lembah Pantai (900 kenderaan) dan Jalan Mas, Chan Sow Lin (600 kenderaan).
2. Dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan kenderaan buruk/ tersadai, DBKL telah melantik Tetuan Car Medic Sdn. Bhd. sebagai penyedia perkhidmatan tersebut. Skop perkhidmatan merangkumi kerja-kerja tunda dan angkut di kawasan awam, penyediaan logistik serta stor simpanan, pelupusan secara lestari, selain pelaksanaan program pelupusan secara sukarela di kawasan perumahan awam DBKL dan strata.
3. Melalui program ini, pemilik kenderaan ditawarkan untuk melupuskan kenderaan secara sah melalui proses pembatalan pendaftaran menggunakan sistem e-Dereg dengan pengesahan dalam tempoh singkat. Sebagai galakan, ganjaran tunai antara RM100 hingga RM2,000 disediakan mengikut jenis dan keadaan kenderaan yang dilupuskan. Bagi tempoh tiga bulan pertama, program akan memberi tumpuan kepada kawasan perumahan awam DBKL, yang merekodkan sebanyak 1,159 kenderaan buruk atau tersadai sehingga 30 Mac 2026. Sekiranya



dbkl2u



dewanbandarayakualalumpur



dbkl2u



dbkltv



dbkl.tt

pemilik masih gagal mengambil tindakan secara sukarela, tindakan tunda atau angkut akan dilaksanakan.

4. Dari segi proses pelaksanaan penguatkuasaan, setiap kenderaan yang dikenal pasti akan melalui siasatan awal. Sekiranya didapati menghalang laluan atau menimbulkan kacau ganggu, notis bertempoh akan dikeluarkan kepada pemilik untuk tujuan pengalihan. Kegagalan mematuhi notis tersebut akan mengakibatkan tindakan tunda atau angkut diambil, dan kenderaan akan dipindahkan ke depoh simpanan DBKL.
5. Bagi tujuan tuntutan, pemilik atau wakil perlu menjelaskan kompaun sehingga RM500, selain kos pengangkutan mengikut jenis kenderaan serta caj simpanan harian. Sekiranya tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan, kenderaan akan dilupuskan selaras dengan Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
6. DBKL menyeru kerjasama semua pemilik kenderaan agar lebih bertanggungjawab dan tidak membiarkan kenderaan tersadai di tempat awam. Orang ramai yang ingin melupuskan kenderaan secara sukarela boleh menghubungi Tetuan Car Medic Sdn. Bhd. di talian 03-87236555 dengan mengemukakan maklumat kenderaan untuk tindakan lanjut.
7. DBKL komited memastikan pengurusan kenderaan buruk atau tersadai dilaksanakan secara sistematik, cekap dan mampan demi menjamin kesejahteraan serta kualiti hidup warga kota Kuala Lumpur.

Unit Media  
Jabatan Perancangan Korporat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
16 April 2026  
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my

